

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SAU 210 - Sosiologi Perindustrian

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Soalan Bahagian A WAJIB di jawab dan pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Kesatuan Sekerja Dalamann merupakan satu bentuk Kesatuan di Malaysia.

Apakah bentuk-bentuk Kesatuan Sekerja lain yang ada di negara ini? Bandingkan peranan yang dimainkan oleh MTUC (Malaysian Trade Union Congress), CUEPACS (Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services) dan MLO (Malaysian Labour Organisation).

(40 Markah)

Bahagian B

2. Bilangan pekerja di sektor perindustrian kian meningkat di Malaysia.

Bincangkan sama ada ini akan menimbulkan taraf kedudukan dan kesedaran "proletarianisasi" dikalangan pekerja.

Adakah proses ini akan menyatupadukan pekerja dari berbilang bangsa? Perbincangan anda perlu disokong dengan contoh-contoh yang sesuai.

(30 Markah)

...2/-

3. Di tempat kerja telah timbul pertikaian diantara majikan dengan Kesatuan Sekerja atau pekerja.

Terangkan punca-punca pertikaian ini dan cara-cara penyelesaian pertikaian perusahaan di negara ini.

Lukiskan sebuah rajah untuk menunjukkan mekanisme penyelesaian pertikaian ini dari mula hingga akhir.

(30 Markah)

4. Sejak awal tahun sembilan puluhan ini ekonomi Malaysia bertambah baik. Tetapi adakalanya ekonomi meleset dan beribu-ribu pekerja dibuang kerja.

Bilakah berlaku pembuangan ini dan apakah kesan-kesan sosio-ekonomi terhadap masyarakat dan kehidupan pekerja.

Sejauh manakah pihak kerajaan telah membuat persediaan untuk membantu para pekerja jika berlaku kemelesetan ekonomi kelak.

(30 Markah)

5. Budaya Kerja merupakan satu rangka bentuk yang penting ditempat kerja.

Apakah Budaya Kerja itu dan bagaimana ianya boleh wujud? Bandingkan Budaya Kerja di syarikat Jepun dan syarikat Amerika yang ada di Malaysia.

Beri tafsiran anda yang mana satukah dianggap lebih sesuai bagi pekerja kita.

(30 Markah)